

**PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA  
BILANGAN 01 TAHUN 2024**

**PENGUATKUASAAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIES  
TERANCAM BAGI TUMBUHAN DARATAN (KECUALI YANG DIBIAKKAN  
SECARA BUATAN) DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH  
PERSEKUTUAN LABUAN**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan tatacara dan panduan dalam mengendalikan penguatkuasaan Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam Bagi Tumbuhan Daratan (Kecuali Yang Dibiakkan Secara Buatan) di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan di bawah Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686].

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Penguatkuasaan adalah bertujuan untuk mencegah dan membanteras aktiviti Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam Bagi Tumbuhan Daratan (Kecuali Yang Dibiakkan Secara Buatan) di pintu keluar masuk negara sama ada melalui darat, laut dan udara.
- 2.2 Pekeliling ini disediakan sebagai panduan kepada Pegawai Penguat Kuasa dan agensi penguatkuasaan lain (jika berkaitan) di dalam melaksanakan operasi penguatkuasaan dengan lebih terancang, teratur, efisien dan berkualiti.
- 2.3 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686], Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] serta undang-undang lain yang berkaitan.

### **3.0 PERUNTUKAN KUASA YANG BERKAITAN**

#### **3.1 Pegawai Penguat Kuasa**

Pegawai penguat kuasa merupakan pegawai yang dinyatakan dalam Ruang Pertama Jadual Kedua hendaklah menjadi pegawai penguat kuasa bagi maksud Akta 686 dan berkenaan dengan Pihak Berkuasa Pengurusan yang terdapat dalam ruang kedua yang bersempit seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 19, Akta 686.

#### **3.2 Kuasa Penyiasatan**

Pegawai penguat kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiasatan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 20, Akta 686 dan mana-mana pegawai penguat kuasa yang menjalankan penyiasatan boleh menjalankan segala atau mana-mana kuasa khas berhubung dengan penyiasatan polis dalam kes boleh tangkap yang diberikan oleh Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

#### **3.3 Kad Kuasa**

Pegawai penguat kuasa hendaklah dikeluarkan satu kad kuasa yang ditandatangani oleh Menteri (seperti tafsiran di bawah seksyen 3, Akta 686) dan hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan seperti yang diperuntukkan di dalam seksyen 21, Akta 686.

#### **3.4 Kuasa Penangkapan**

Pegawai penguat kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang didapati melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat dalam melakukan suatu kesalahan di bawah Akta 686 atau dengan semunasabahnya disyaki sebagai terlibat dalam melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat dalam melakukan satu kesalahan di bawah Akta 686. Setelah tangkapan dibuat, tanpa kelengahan yang tidak perlu, membawa orang yang ditangkap itu ke balai polis yang paling hampir, dan sesudah itu orang itu hendaklah diperlakukan mengikut undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang sedang berkuat kuasa seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 22, Akta 686.

#### **3.5 Pengeledahan dan Penyitaan dengan Waran**

Pegawai penguat kuasa boleh mendapatkan suatu waran yang dikeluarkan oleh Majistret untuk menggeledah mana-mana premis, mengambil sampel spesies terjadual dan membuat salinan dokumen, buku, rekod atau benda lain yang dengan semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai melakukan kesalahan itu seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 23 seperti berikut –

*"23. (1) Jika ternyata pada Majistret, berdasarkan maklumat bertulis yang dibuat atas sumpah dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa –*

*(a) mana-mana premis telah digunakan atau akan digunakan bagi; atau*

*(b) ada di dalam mana-mana premis keterangan yang perlu bagi perjalanan penyiasatan mengenai, pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, Majistret boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa mana-mana pegawai penguat kuasa yang dinamakan dalam waran itu, pada bila-bila masa yang munasabah sama ada pada waktu siang atau malam hari dan dengan atau tanpa bantuan, untuk memasuki premis itu dan jika perlu dengan menggunakan kekerasan.*

*(2) Waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) boleh memberi kuasa pegawai penguat kuasa untuk –*

*(a) menggeledah premis itu bagi dan menyita atau mengalihkan dari premis itu mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dengan semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu;*

*(b) mengambil sampel mana-mana spesies terjadual atau benda yang dijumpai di dalam premis itu bagi maksud menentukan, dengan ujian atau selainnya, sama ada kesalahan itu telah dilakukan; dan*

*(c) membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dijumpai di dalam premis itu.*

*(3) Seseorang pegawai penguat kuasa yang memasuki mana-mana premis di bawah seksyen ini boleh membawa bersamanya mana-mana orang lain dan kelengkapan yang didapatinya perlu.*

*(4) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, jika perlu berbuat demikian –*

*(a) memecah buka mana-mana pintu luar atau dalam premis itu atau mana-mana pagar, kepungan, pintu pagar atau halangan lain ke premis itu, untuk masuk ke dalam premis itu;*

*(b) mengalihkan dengan menggunakan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan dan pengalihan yang dia diberi kuasa untuk melaksanakan di bawah seksyen ini; dan*

*(c) menahan mana-mana orang yang dijumpai di dalam premis itu sehingga penggeledahan itu selesai.*

*(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, adalah tidak munasabah untuk mengalihkan mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah seksyen ini, pegawai penguat kuasa itu hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu di dalam premis itu atau dalam bekas yang di dalamnya ia dijumpai.*

### **3.6 Pengeledahan dan Penyitaan Tanpa Waran**

Pegawai penguat kuasa yang mempunyai sebab munasabah yang mempercayai bahawa mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah Akta 686 telah dilakukan mungkin dijumpai di dalam atau pada mana-mana premis, orang atau pengangkut dan bahawa oleh sebab kelengahan dalam mendapatkan waran di bawah seksyen 23, Akta 686, matlamat pengeledahan mungkin tidak tercapai, dia boleh, tanpa waran, dengan apa-apa bantuan dan dengan menggunakan apa-apa kekerasan sebagaimana yang perlu –

- (a) memasuki dan mengeledah premis itu;*
- (b) memberhentikan dan memeriksa orang atau pengangkut itu; dan*
- (c) menyita mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang mungkin dijumpai dan boleh menjadi keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 24, Akta 686.*

### **3.7 Kuasa untuk Memasuki Premis**

Pegawai penguat kuasa boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana premis bagi maksud –

- (a) memeriksa mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain sebagaimana yang difikirkannya perlu;*
- (b) menentusahkan ketepatan rekod atau pernyataan atau apa-apa maklumat yang diberikan kepada seseorang pegawai penguat kuasa; atau*
- (c) mengambil sampel mana-mana spesies terjadual,*

sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 25, Akta 686.

### **3.8 Akses kepada Data Berkomputer**

Pegawai penguat kuasa yang menjalankan pengeledahan di bawah Akta ini hendaklah diberi akses kepada data berkomputer sama ada yang distorkan dalam suatu komputer atau selainnya, dan bagi maksud sedemikian, hendaklah diberikan kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara

lain yang diperlukan untuk membolehkan data berkomputer difahami seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 26, Akta 686.

### **3.9 Penyitaan Benda**

Pegawai penguat kuasa boleh menyita dan menahan mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang semunasabahnya disyaki telah digunakan atau akan digunakan dalam pelakuan mana-mana kesalahan di bawah Akta 686 sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 27, Akta 686.

### **3.10 Kuasa untuk Memberhentikan, Menggeledah dan Menyita Pengangkut**

Pegawai penguat kuasa yang mempunyai sebab munasabah untuk mengesyaki bahawa mana-mana pengangkut sedang membawa mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain, boleh memberhentikan dan memeriksa pengangkut itu. Setelah pemeriksaan dibuat dan pegawai penguat kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa pengangkut itu sedang atau telah digunakan untuk melakukan suatu kesalahan di bawah Akta 686, pegawai penguat kuasa boleh menyita pengangkut itu dan mana-mana spesies terjadual, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dijumpai dalam pengangkut itu yang dengan semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu. Orang yang mengawal atau menjaga pengangkut itu hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai penguat kuasa –

*(a) memberhentikan pengangkut itu dan membenarkan pegawai penguat kuasa itu memeriksanya; dan*

*(b) membuka semua bahagian pengangkut itu untuk diperiksa dan mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkan atau memudahkan perjalanan pemeriksaan itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pegawai penguat kuasa,*

sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 28 Akta 686.

### **3.11 Notis Penyitaan**

Pegawai penguat kuasa yang membuat penyitaan hendaklah memberikan suatu notis secara bertulis mengenai penyitaan itu dan alasan-alasan penyitaan itu kepada pemunya spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain dengan menyerahkan suatu salinan notis itu kepada pemunya itu, jika pemunya itu atau tempat dia berada diketahui. Walau bagaimanapun, notis penyitaan tersebut tidak perlu diberikan jika penyitaan itu dibuat dalam kehadiran-

*(a) pemunya atau ejennya;*

*(b) penghuni premis itu; atau*

*(c) orang yang mengawal atau menjaga pengangkut itu jika penyitaan itu dibuat di bawah seksyen 28 Akta 686,*

sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 29, Akta 686.

### **3.12 Pemulangan Sementara Pengangkut**

Pegawai penguat kuasa boleh atas budi bicaranya memulangkan buat sementara pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan kepada pemunyaanya atau orang yang daripada milik, jagaan atau kawalannya ia disita, atau kepada mana-mana orang yang difikirkan oleh pegawai penguat kuasa berhak kepadanya sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 30, Akta 686. Pegawai penguat kuasa boleh atas budi bicaranya –

*(a) memulangkan buat sementara pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu kepada pemunyaanya atau orang yang daripada milik, jagaan atau kawalannya ia disita, atau kepada mana-mana orang yang difikirkan oleh pegawai penguat kuasa berhak kepadanya, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh pegawai penguat kuasa, dan tertakluk, dalam mana-mana hal, kepada pengadaaan jaminan yang mencukupi yang memuaskan hati pegawai penguat kuasa bahawa pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu akan diserahkan balik kepada pegawai penguat kuasa itu apabila permintaan dibuat oleh pegawai penguat kuasa itu dan bahawa terma dan syarat itu, jika ada, akan dipatuhi; atau*

*(b) memulangkan pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu kepada pemunyaanya atau orang yang daripada milik, jagaan atau kawalannya ia disita, atau kepada mana-mana orang yang difikirkan oleh pegawai penguat kuasa berhak kepadanya, dengan dibolehkan orang yang kepadanya pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu dipulangkan sedemikian untuk melupuskannya, dengan pemulangan itu tertakluk kepada pengadaaan jaminan yang memuaskan hati pegawai penguat kuasa itu dalam suatu amaun yang tidak kurang daripada amaun yang, pada pendapat pegawai penguat kuasa itu, merupakan nilai pasaran terbuka pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu pada tarikh pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu dipulangkan sedemikian tertakluk kepada syarat bahawa jika pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu dilucuthakkan di bawah Akta ini, jaminan itu hendaklah dilucuthakkan.*

**3.13 Kuasa untuk Menghendaki Kehadiran Orang yang Mengetahui Kes**

Pegawai penguat kuasa boleh, melalui perintah secara bertulis, menghendaki mana-mana orang yang pada hemat pegawai penguat kuasa itu mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu supaya hadir di hadapannya. Jika mana-mana orang enggan hadir sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah tersebut, pegawai penguat kuasa itu boleh melaporkan keenggananannya itu kepada Majistret yang hendaklah mengeluarkan suatu waran untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah itu sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 31, Akta 686.

**3.14 Pemeriksaan Orang yang Mengetahui Kes**

Pegawai penguat kuasa yang membuat penyiasatan di bawah Akta 686 boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangkakan mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu. Orang itu adalah terikat untuk menjawab segala soalan yang berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai penguat kuasa, tetapi dia boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya mungkin mendedahkannya kepada satu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan. Seseorang yang membuat pernyataan adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab soalan-soalan. Seseorang pegawai penguat kuasa yang memeriksa seseorang hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen 32 (2) dan (3). Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang hendaklah diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas –

*(a) pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa yang dalamnya pernyataan itu dibuat olehnya; dan*

*(b) dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang ingin dibuat olehnya,*

sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 32, Akta 686.

**3.15 Pelucuthakan Spesies Terjadual yang Disita**

Pegawai penguat kuasa boleh mendapatkan suatu perintah bagi pelucuthakan spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain sama ada melalui proses pendakwaan atau tanpa pendakwaan sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 34, Akta 686 –

*“34. (1) Mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.*

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain hendaklah dibuat jika dibuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu merupakan hal perkara bagi atau digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, walaupun tiada orang telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tidak ada pendakwaan berkenaan dengan mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini, spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu hendaklah diambil dan disifatkan terlucut hak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis ke alamat yang terakhir diketahui orang yang daripadanya spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu disita yang menyatakan bahawa tiada pendakwaan berkenaan dengan spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu melainkan jika sebelum tamat tempoh itu suatu tuntutan baginya telah dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (4), (5), (6) dan (7).

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disebut dalam subseksyen (3) dan bahawa spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu tidak boleh dilucuthakkan boleh, dengan sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada pegawai penguat kuasa yang dalam miliknya spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda itu dipegang bahawa dia menuntut spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu.

(5) Apabila notis yang disebut dalam subseksyen (4) diterima, pegawai penguat kuasa itu hendaklah merujuk tuntutan itu kepada seorang Majistret Kelas Pertama bagi mendapatkan keputusannya.



(6) Majistret yang kepadanya sesuatu perkara dirujukkan di bawah subseksyen (5) hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dan orang yang daripadanya ia disita hadir di hadapannya, dan apabila mereka hadir atau apabila mereka tidak hadir, setelah dibuktikan bahawa saman itu telah disampaikan dengan sewajarnya, Majistret hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu.

(7) Jika dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disebut dalam subseksyen (6) merupakan hal perkara bagi atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, maka Majistret hendaklah memerintahkan supaya spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dilucuthakkan, dan hendaklah, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasannya.

(8) Mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak hendaklah dihantarserahkan kepada Pihak Berkuasa Pengurusan dan hendaklah dilupuskan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkannya patut, termasuk penghantaran pulang di bawah subseksyen (9) sekiranya Pihak Berkuasa Pengurusan memutuskan sedemikian.

(9) Apabila suatu keputusan bagi penghantaran pulang dibuat di bawah Akta ini berkenaan dengan mana-mana spesies terjadual yang telah diimport atau dibawa masuk melalui laut ke dalam Malaysia dengan melanggar Akta ini, dan spesies terjadual itu dibawa ke dalam Malaysia dalam suatu pengangkut, pemunya atau pengimport spesies terjadual itu atau ejennya hendaklah, jika dikehendaki secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Pengurusan, mengadakan atau bertanggungjawab bagi –

(a) perjalanan percuma bagi pemulangan spesies terjadual itu ke tempat di mana spesies terjadual itu diangkut ke Malaysia, atau ke mana-mana pelabuhan atau tempat lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan; dan

(b) penyenggaraan dan penyediaan tempat tinggal yang sepatutnya bagi spesies terjadual itu semasa pelayaran, penerbangan atau perjalanan.

(10) *Tiada seorang pun bertanggung di bawah subseksyen (9) melainkan jika keputusan penghantaran pulang telah dibuat oleh Pihak Berkuasa Pengurusan dalam tempoh –*

*(a) jika tiada prosiding dimulakan, dua belas bulan dari tarikh spesies terjadual itu diimport atau dibawa masuk melalui laut ke dalam Malaysia; atau*

*(b) enam bulan dari tarikh prosiding bagi kesalahan yang berkaitan dengan pengimportan atau pembawaan masuk dari laut ke dalam Malaysia itu selesai.*

(11) *Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (9) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan –*

*(a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya;*

*(b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit.”*

#### **3.16 Kuasa Tambahan**

Pegawai penguat kuasa boleh menghendaki pengemukaan rekod, akaun dan dokumen dan meneliti, memeriksa, dan menyalin mana-mana daripadanya, menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen pengenalan daripada mana-mana orang berhubung dengan mana-mana hal atau kesalahan di bawah Akta ini serta membuat apa-apa siasatan yang perlu untuk menentukan sama ada peruntukan Akta 686 telah dipatuhi sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 39, Akta 686.

#### **3.17 Mengamang atau Menghalang Pegawai Penguat Kuasa**

Pegawai penguat kuasa yang melaksanakan fungsi-fungsi di bawah Akta ini boleh membuat laporan sekiranya terdapat mana-mana individu yang mengamang, menghalang, menyekat atau mengganggu mana-mana pegawai penguat kuasa sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 40, Akta 686.

### **4.0 PUSAT MENYELAMAT**

4.1 Pusat penyelamat merupakan suatu premis yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan (*Management Authority - MA*) iaitu Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk menjaga kebajikan apa-apa spesies terjadual yang masih hidup, terutamanya yang telah dirampas.

4.2 Apa-apa spesies terjadual yang telah dirampas dan disimpan di Pusat Penyelamat hendaklah diuruskan sepertimana yang diperuntukkan di dalam Garis Panduan Pelupusan Hasil Rampasan Spesies Terjadual di bawah Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686] dan *Convention on International Trade in Endangered*

*Species of Wild Fauna and Flora* (CITES) yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC).

## **5.0 TINDAKAN PENGUATKUASAAN**

Tindakan penguatkuasaan dijalankan berdasarkan kepada perancangan, aduan atau maklumat risikan –

### **5.1 Perancangan**

Pegawai penguat kuasa hendaklah merancang tindakan penguatkuasaan yang perlu dilaksanakan sama ada secara harian, mingguan atau bulanan. Perancangan tindakan penguatkuasaan hendaklah merangkumi bilangan anggota, bilangan kenderaan, hari, masa dan lokasi.

### **5.2 Aduan**

Aduan adalah merupakan sebarang bentuk aduan yang diterima sama ada secara lisan atau bertulis atau melalui telefon, khidmat pesanan ringkas, laporan media atau laporan daripada jabatan atau agensi lain. Pegawai penguat kuasa hendaklah mengambil tindakan segera dalam tempoh yang sewajarnya ke atas aduan yang diterima untuk menjalankan operasi penguatkuasaan.

### **5.3 Maklumat Risikan**

Pegawai penguat kuasa hendaklah mengambil tindakan segera dalam tempoh yang sewajarnya ke atas maklumat risikan yang diterima untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan.

## **6.0 OPERASI PENGUATKUASAAN**

### **6.1 Arahan sebelum operasi penguatkuasaan**

6.1.1 Sebelum operasi dimulakan, ketua pasukan hendaklah menyediakan satu pasukan operasi yang terdiri daripada beberapa orang pegawai penguat kuasa yang dilantik sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 19, Akta 686.

6.1.2 Ketua pasukan hendaklah memberi taklimat kepada pasukan operasi yang meliputi perkara-perkara berikut:

- a) Tujuan operasi;
- b) Lokasi kawasan operasi;
- c) Tarikh, masa dan tempoh operasi;
- d) Sasaran; dan
- e) Maklumat kesalahan atau aduan yang diterima.

- 6.1.3 Ketua pasukan hendaklah menyediakan dokumen dan peralatan operasi seperti berikut:
- a) Kenderaan;
  - b) Alat Penyitaan;
  - c) Gari;
  - d) Borang Bongkar;
  - e) Borang Serahan Barang Kes;
  - f) Alat Perhubungan;
  - g) Pita Ukur dan Pita Diameter;
  - h) Alat Penimbang;
  - i) *Global Positioning System* (GPS);
  - j) Kamera;
  - k) Buku Nota dan Alat Tulis;
  - l) Peti Pertolongan Cemas; dan
  - m) Lain-lain dokumen dan peralatan operasi yang difikirkan perlu.

## 6.2 Arahan semasa operasi penguatkuasaan

- 6.2.1 Pegawai penguat kuasa hendaklah memastikan spesies terjadual yang diimport, dieksport atau dieksport semula mempunyai permit yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan (MA) termasuklah dokumen-dokumen yang berkaitan daripada agensi penguatkuasaan lain (OGA) seperti Jabatan Kastam Di Raja Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) atau Jabatan Imigresen Malaysia.
- 6.2.2 Sekiranya pegawai penguat kuasa mendapati orang perseorangan atau suatu pertubuhan perbadanan gagal mengemukakan permit import, eksport atau eksport semula, pegawai penguat kuasa hendaklah menjalankan pemeriksaan terhadap spesies terjadual (konsainan), pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain.
- 6.2.3 Sekiranya terdapat kesalahan di bawah Akta 686, pegawai penguat kuasa hendaklah menyita spesies terjadual (konsainan), pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain. Segala barang kes yang disita hendaklah ditanda dan direkodkan.
- 6.2.4 Pegawai penguat kuasa juga perlu menyediakan satu Borang Bongkar serta menyampaikan Notis Penyitaan kepada Orang Yang Disyaki (OYDS) telah melakukan kesalahan tersebut.
- 6.2.5 Bagi spesies terjadual (konsainan) yang ingin dieskport dan didapati tidak memiliki dokumen pas pemindah, tindakan

penguatkuasaan boleh diambil sepertimana yang diperuntukkan di dalam Akta 313 (*rujuk Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 2 Tahun 2009: Tatacara Pengendalian Operasi Penguatkuasaan Hutan*).

- 6.2.6 Bagi spesies terjadual (konsainan) selain daripada Jadual E, Jadual Ketiga, Akta 686, pegawai yang membuat pemeriksaan hendaklah melaporkan kepada agensi penguatkuasaan lain (OGA) untuk tindakan penguatkuasaan selanjutnya.

### 6.3 Arahan selepas operasi penguatkuasaan

- 6.3.1 Selepas operasi dijalankan, tindakan seperti berikut hendaklah diambil:

- a) Pegawai penguat kuasa hendaklah melaporkan hasil operasi penguatkuasaan kepada Pengarah Perhutanan Negeri dan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia;
- b) Pegawai penguat kuasa hendaklah membuat laporan polis berhubung operasi penguatkuasaan yang merangkumi maklumat seperti:
  - i. Nama, Nombor Kad Pengenalan, Alamat dan Jawatan Pegawai Pelapor;
  - ii. Tarikh dan masa kejadian;
  - iii. Lokasi tempat kejadian;
  - iv. Benda-benda yang disita;
  - v. Tangkapan (jika ada)
  - vi. Ringkasan kesalahan; dan
  - vii. Jika kesalahan ini akan diambil tindakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri, catatan "*Kesalahan ini akan diambil tindakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri*" hendaklah ditulis pada para terakhir laporan polis itu.
- c) Pegawai penguat kuasa hendaklah memaklumkan kepada pegawai penyiasat dengan kadar segera berkenaan penemuan kes.
- d) Pegawai penguat kuasa hendaklah menyerahkan salinan laporan polis, gambar, pelan lakar, borang bongkar, borang serahan barang kes bersama barang yang disita kepada pegawai penyiasat.
- e) Barang kes yang disita hendaklah dipindahkan ke Pusat Menyelamat yang telah ditetapkan.
- f) Pegawai penguat kuasa hendaklah menyediakan laporan operasi dan mengemukakannya kepada Pengarah Perhutanan Negeri dan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

## 7.0 TINDAKAN PUNITIF

Pegawai penguat kuasa hendaklah mematuhi segala arahan dan peraturan yang telah ditetapkan dan kegagalan berbuat demikian boleh dikenakan tindakan sepertimana yang diperuntukkan di dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) yang berkuat kuasa.

## 8.0 CARTA ALIR OPERASI PENGUATKUASAAN

Pegawai penguat kuasa boleh merujuk Carta Alir Operasi Penguatkuasaan sepertimana yang dilampirkan di **Lampiran I**.

## 9.0 ARAHAN AM

Pegawai penguat kuasa hendaklah mematuhi arahan am sepertimana butiran berikut:

- 9.1 Setiap aduan yang diterima berkaitan dengan kes kesalahan hendaklah direkodkan dalam Borang Maklumat Aduan dan Maklum Balas Pelanggan.
- 9.2 Semua dokumen atau maklumat yang berkaitan dengan operasi hendaklah dijaga kerahsiaannya.
- 9.3 Pegawai penguat kuasa hendaklah sentiasa menjaga nama baik imej Jabatan Perhutanan Negeri dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.
- 9.4 Pegawai penguat kuasa adalah dilarang sama sekali membuat kenyataan media kecuali dengan kebenaran Pengarah Perhutanan Negeri dan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.


## 10.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **01 JANUARI 2024** dan terpakai di semua negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

**“MALAYSIA MADANI”**


**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**


Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATO' INDERA MOHD RIDZA BIN AWANG)**

Ketua Pengarah Perhutanan  
Semenanjung Malaysia

Bertarikh:



**CARTA ALIR OPERASI PENGUATKUASAAN**

## CARTA ALIR OPERASI PENGUATKUASAAN (SAMBUNGAN)

